

SOALAN	NOVEL LEFTENAN ADNAN	NOVEL TIRANI
<p>Peristiwa yang menggembirakan/ mengujakan/ memberikan inspirasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> Peristiwa Adnan yang menyertai pertandingan pidato bahasa Inggeris. Dia gigih berlatih walaupun dia kurang fasih berbahasa Inggeris. Akhirnya dia memenangi pertandingan tersebut. <p>ALASAN : KESUNGGUHAN YANG AKHIRNYA MEMBERIKAN KEJAYAAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Adnan berjaya mengesan pergerakan tentera Jepun yang menyamar dan berpakaian seperti tentera Sikh. Adnan mengambil keputusan untuk menyerang tentera tersebut hingga menyebabkan tentera Jepun kehilangan banyak nyawa. <p>ALASAN : KEBIJAKSANAAN DALAM MENEWASKAN PASUKAN MUSUH.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Waheeda dan keluarganya bekerjasama menguruskan perniagaan Syarikat Tajau Emas. Bapanya menjadi pemandu pelancong, ibunya Raidah menjadi pengurus dapur manakala ibu saudaranya menjadi tukang masak. Perniagaan mereka maju. <p>ALASAN : SIKAP KERJASAMA YANG MEMBERIKAN KEJAYAAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Sementara menjalani rawatan susulan di Singapura. Waheeda bekerja sebagai Pegawai Perhubungan Awam di Flamingo Resort. Waheeda menimba ilmu yang baharu di situ. Dia ingin mengaplikasikan ilmu pengurusan hotel tersebut di Syarikat milik keluarganya. <p>ALASAN : KEBIJAKSANAAN DALAM MERANCANG MASA HADAPAN</p>
<p>Peristiwa yang menyentuh hati/ simpati</p>	<ul style="list-style-type: none"> Tentera Jepun telah menyerkup Adnan yang cedera parah dengan guni. Tentera Jepun kemudian menggantungkan Leftenan Adnan yang cedera parah pada pokok ceri. Mereka berbaris dan menikam tubuh Leftenan Adnan dengan menggunakan bayonet sehingga mayatnya hancur. <p>ALASAN : PENGORBANAN PEJUANG TANAH AIR DEMI KEDAULATAN NEGARA.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Waheeda telah dicerai oleh Zahid. Zahid enggan mempercayai bukti ujian DNA yang membuktikan Waheeda tidak bersalah. <p>ALASAN : SESEORANG TIDAK BERPELUANG UNTUK MEMPERTAHKAN DIRINYA DARIPADA DITUDUH DENGAN PERKARA YANG TIDAK DILAKUKANNYA.</p>

	<ul style="list-style-type: none"> Rakyat semakin sengsara di bawah pemerintahan Jepun. Mereka terpaksa makan apa-apa sahaja seperti ubi dan pisang untuk mengalaskan perut. <p>ALASAN : KESUSAHAN MASYARAKAT DAHULU YANG DIJAJAH OLEH KUASA ASING</p>	<ul style="list-style-type: none"> Waheeda mengalami kemurungan setelah diceraikan oleh Zahid. Dia kerap bersendirian dan menyalahkan dirinya. <p>ALASAN : NASIB SEORANG WANITA YANG MENGALAMI MASALAH KEGAGALAN RUMAH TANGGA.</p>
Peristiwa yang memberikan teladan/ panduan/ iktibar hidup/ pegangan hidup	<ul style="list-style-type: none"> Walaupun pertempuran sengit di Bukit Candu namun Adnan meminta pasukannya untuk berjuang hingga ke titisan darah yang terakhir. Semua jenis senjata telah digunakan, Askar Melayu tetap berjuang walaupun hanya menggunakan bayonet. <p>ALASAN : KESUNGGUHAN DALAM MENJALANKAN TANGUUNGJAWAB</p> <ul style="list-style-type: none"> Berpuluh-puluh tentera Jepun tiba ke Kampung Sungai Ramal, Kajang. Mereka mencari keluarga Leftenan Adnan. Penduduk kampung telah berpakat tidak akan bekerjasama dengan tentera Jepun dan segera menyembunyikan keluarga Leftenan Adnan. <p>ALASAN : SIKAP KERJASAMA DALAM MEMBANTU ORANG YANG DALAM KESUSAHAN</p>	<ul style="list-style-type: none"> Semasa menjalani rawatan di Singapura, Waheeda banyak mempelajari ilmu pengurusan hotel. Beliau sering menghadiri bengkel keterampilan pengurusan perniagaan dan pengurusan diri. <p>ALASAN : BIJAKSANA DALAM MEMANFAATKAN MASA</p> <ul style="list-style-type: none"> Kemuliaan hati Izzati yang memaafkan bapanya walaupun kewujudannya tidak diakui oleh bapanya sendiri. Izzati menganggap kenikmatan memberi maaf lebih manis daripada kenikmatan berdendam. <p>ALASAN : SIKAP MEMAFAKAN ORANG LAIN AKAN MEMBERIKAN KETENANGAN DALAM HIDUP</p>
PERISTIWA YANG WAJAR DIHINDARI / PERISTIWA NEGATIF	<ul style="list-style-type: none"> Penduduk kampung mencemooh tindakan Pak Saidi yang menghantar Adnan ke sekolah Inggeris. Mereka beranggapan Adnan akan keluar dari agama Islam. 	<ul style="list-style-type: none"> Rakan-rakannya iaitu Si Nuar dan Si Man sering mengejek rupa parasnya. Hidungnya yang pesek sering menjadi gurauan mereka. Hal ini menyebabkan dia berasa rendah diri dan sedih.

	<p>ALASAN : SIKAP MENUDUH TANPA USUL PERIKSA BOLEH MEMECAHBELAHKAN MASYARAKAT</p> <ul style="list-style-type: none"> • Samad yang membocorkan rahsia pertahanan askar Melayu kepada tentera Jepun. Dia melakukan demikian untuk kepentingan dirinya <p>ALASAN : SIKAP TIDAK TAAT SETIA KEPADA NEGARA</p>	<p>ALASAN : TIDAK WAJAR MENGHINA RUPA PARAS CIPTAAN TUHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Waheeda menyuarakan hasratnya untuk melakukan pembedahan plastik supaya wajahnya kelihatan komersial selaras dengan perkembangan perniagaannya. Hasratnya itu ditegah oleh bapanya kerana bercanggah dengan hukum Islam. <p>ALASAN : KITA HENDAKLAH BERSYUKUR DENGAN KURNIAN TUHAN</p>
<p>PERISTIWA YANG MEMBERIKAN PERSOALAN/ TANDA TANYA KEPADA PEMBACA</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pak Saidi menggunakan keris pusaknya untuk melawan tentera Jepun yang mencari waris keluarga Adnan. Dia ingin mempertahankan keluarga Adnan daripada ditangkap oleh tentera Jepun. <p>ALASAN : SAMA ADA PAK SAIDI BERJAYA MEMPERTAHANKAN DIRINYA ATAU DIBUNUH OLEH TENTERA JEPUN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ibu Adnan tidak bersetuju dengan hasrat Adnan untuk menjadi seorang tentera. Dia lebih suka Adnan menjadi seorang guru. <p>ALASAN : SAMA ADA ADNAN BERJAYA MEMUJUK IBUNYA UNTUK MERESTUI CITA-CITANYA.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungan dingin yang berlaku antara Bazilah dengan Waheeda kerana salah faham. Bazilah cemburu melihat kemesraan antara tunangnya dengan Waheeda. <p>ALASAN : UNTUK MELIHAT TINDAKAN WAHEEDA DALAM MENYELESAIKAN SALAH FAHAN ANTARA MEREKA.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Zahid yang memohon maaf kepada Waheeda kerana telah menuduhnya dan mengabaikannya. Dia merasa bersalah kerana tidak menjalankan tanggungjawabnya sebagai suami. <p>ALASAN : SAMA ADA WAHEEDA AKAN MEMAAFKAN KESALAHAN ZAHID KEPADA DIRINYA</p>